

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## PM: Tabiat suka meminta boleh akibatkan masyarakat lemah

**ALUR SETAR, Sabtu** — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat, tabiat suka meminta-minta dari orang lain boleh mengakibatkan sesuatu masyarakat lemah dan lumpuh.

Perdana Menteri berkata jika masyarakat itu bergantung harap pada orang lain, mereka tidak akan berdaya berusaha sendiri apabila bantuan yang diberikan itu dihentikan.

Kerajaan, katanya,

hanya boleh memberi bantuan sekadar yang mampu dan selebihnya perlulah diusahakan sendiri.

Bellau, yang tidak mahu rakyat negara ini menjadi 'masyarakat subsidi', berkata: "Kerajaan tidak boleh membantu seseorang itu sehingga dia boleh tinggal dalam mahligai. Berusahalah sendiri meninggikan taraf-hidup masing-masing."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika melawat

Pusat Pengumpulan Rotan di Padang Terap hari ini. Beliau juga melawat Kompleks Perusahaan Buluh di Naka, Padang Terap dan mendengar taklimat dari Pengurus Besarannya, Dr Atifuddin Haji Omar.

Kedua kilang itu adalah punca pendapatan tetap sebahagian penduduk luar bandar di daerah itu. Kilang buluh itu mengeluarkan barang-barang seperti bidal, lapik pinggan dan penutup lampu.